

25 SEP 1998

DATAPREP-TERBITAN HAK/I

DATAPREP CADANG TERBITAN HAK UNTUK PERBAIKI KEDUDUKAN KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Dataprep Holdings Bhd, yang menghadapi defisit dana pemegang saham dan tanggungan semasa melebihi aset semasa, bercadang untuk menawarkan terbitan hak berjumlah RM50 juta dan berhasrat memperolehi lebih banyak kontrak untuk memperbaiki kedudukan kewangannya.

Tetapi, jumlah dan pemilikan akan diputuskan pada masa yang sesuai, kata pengerusi dan ketua eksekutifnya, Mirzan Mahathir, yang mengambil alih jawatan ini pada 31 Okt tahun lalu.

Pada masa ini, kumpulan itu sedang menuju ke arah pemulihan, kata Mirzan dalam laporan tahunan terbaru syarikat itu.

Menurut beliau jualan bulanan bagi tahun baru ini menjana aliran tunai yang mencukupi untuk menampung semua perbelanjaan, termasuk kos pembiayaan manakala sistem kawalan dan dasar telah diubah bagi mewujudkan sinergi dengan perniagaan tersebut.

Dalam tahun ini, kumpulan itu telah mencadangkan beberapa projek teknologi maklumat yang besar bagi pelanggannya dalam sektor kerajaan dan swasta bagi meningkatkan kelebihan daya saingannya, katanya.

Ia telah memperolehi kontrak untuk memaju dan membina sebuah bandar elektronik terurus di Taman Teknologi Tinggi Kulim, Kedah dalam satu usaha sama dan berharap untuk mendapatkan lebih banyak kontrak, terutama jika keadaan ekonomi Malaysia bertambah baik dalam tahun-tahun akan datang.

Menyifatkan tahun berakhir 31 Mac, 1998 sebagai tahun pengukuhan, Mirzan berkata perniagaan kumpulan itu telah disusun semula sama ada melalui penjualan atau penutupan perniagaan yang bukan kegiatan utama kumpulan itu.

Kumpulan itu kini memberikan tumpuan kepada perniagaan penyepaduan sistem dengan disokong oleh pasukan rekabentuk perisian kreatif dan rangkaian sokongan pelanggan di seluruh negara, tambahnya.

Defisit dana pemegang saham Datatprep berjumlah RM36.038 juta pada 31 Mac, 1998, manakala tanggungan semasa kumpulan dan syarikat itu melebihi aset masing-masing sebanyak RM48.333 juta dan RM4.611 juta, jelas juruaudit kumpulan itu.

Bagi tahun berakhir 31 Mac, 1998 Datatprep mengalami kerugian selepas cukai kumpulan sebanyak RM8.793 juta.

-- BERNAMA

MSL KY MA